



---

**SURAT PEKELING KEWANGAN  
BILANGAN 8 TAHUN 2016**

---

**PINDAAN PERATURAN TUNTUTAN PERJALANAN  
MENGENAI PENGHANTARAN SALINAN TOL  
TANPA RESIT**

**Pejabat Bendahari**  
18 November 2016

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld.6 (8)

18 November 2016

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.8/2016

### PINDAAN PERATURAN TUNTUTAN PERJALANAN MENGENAI PENGHANTARAN SALINAN TOL TANPA RESIT

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Pindaan Peraturan Tuntutan Perjalanan Mengenai Penghantaran Salinan Tol Tanpa Resit (Touch n Go).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Universiti telah mengeluarkan peraturan mengenai Tuntutan Perjalanan melalui Pekeliling Bendahari (PB) Bil.4/2013 yang merangkumi tuntutan perjalanan bertugas rasmi, berkursus dan lain-lain kelayakan.

2.2 Sepanjang tempoh pelaksanaan peraturan tersebut, terdapat isu mengenai pengesahan pembayaran tol tanpa resit 'Touch n Go' kerana staf hanya melampirkan salinan 'Touch n Go' bagi menyokong pembayaran tol tanpa resit. Salinan 'Touch n Go' tersebut tidak boleh disemak dan disahkan akan kesahihannya.

#### 3.0 PINDAAN

3.1 Majlis Eksekutif melalui mesyuarat bil.9/2016 telah memutuskan bahawa staf hanya perlu mengemukakan bukti perjalanan tanpa perlu melampirkan salinan Touch n Go bagi tujuan menyokong pembayaran tol tanpa resit.

3.2 Bukti perjalanan adalah seperti surat arahan, surat jemputan, surat kelulusan menghadiri kursus atau apa-apa dokumen yang boleh membuktikan perjalanan.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

4.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

#### **“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MHU/SHARINGFOLDER/2016/PINDAANPERATURAN